



UPM perkasa Living Lab dan SULAM, komuniti Taman Seri Serdang tukar sisa makanan kepada sumber bernilai



Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto Oleh: Saleha Haron

SERDANG, 23 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) terus memperkukuh peranannya sebagai universiti yang memacu penyelesaian kepada cabaran masyarakat menerusi pelaksanaan UPM–Taman Seri Serdang Food Waste Valorisation Living Lab & SULAM Programme 2026, yang membimbing komuniti menukar sisa makanan kepada sumber bernilai menggunakan kaedah pengkomposan Bokashi.

Program yang melibatkan 43 pelajar Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FHAS), penyelidik serta 80 penduduk Taman Seri Serdang itu menjadi platform pembelajaran dunia sebenar melalui pendekatan Living Lab dan Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM), apabila ilmu akademik diterjemahkan kepada penyelesaian praktikal bagi mengurangkan sisa makanan, menyokong ekonomi kitaran dan memperkukuh kelestarian alam sekitar.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), UPM, Profesor Dr. Shamsul Bahri Md. Tamrin berkata, program berkenaan membuktikan universiti bukan sahaja berperanan menghasilkan ilmu, malah bertindak sebagai rakan strategik masyarakat dalam membangunkan penyelesaian kepada isu semasa.

“Living Lab dan SULAM menghubungkan universiti, komuniti, industri serta agensi kerajaan dalam membangunkan penyelesaian yang boleh terus diamalkan. Pendekatan ini memastikan hasil penyelidikan tidak terhenti di makmal, sebaliknya diterjemahkan kepada amalan yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat.

“Pada masa sama, pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran dunia sebenar, manakala komuniti menerima penyelesaian yang praktikal dan mampan. Inilah nilai sebenar pendidikan tinggi yang memberi impak kepada masyarakat,” katanya.



Program itu turut menyokong aspirasi strategik UPM dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi, melahirkan graduan berdaya tahan, memperluas jaringan industri dan komuniti serta menyokong agenda keterjaminan makanan dan pembangunan lestari negara.

Ahli Majlis Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) Zon 20, Nursyaheera Abdul Ghafar berkata, kerjasama antara UPM dan komuniti Taman Seri Serdang berjaya membudayakan amalan kelestarian dalam kalangan penduduk.

“Program seperti ini memberi impak secara langsung kepada komuniti kerana ia bukan sahaja meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan sisa makanan malah menggalakkan amalan hijau yang boleh diteruskan di peringkat isi rumah.

“Apabila lebih ramai penduduk menguruskan sisa makanan di rumah, jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan dapat dikurangkan serta menyokong usaha memelihara alam sekitar secara mampan,” katanya.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains dan Teknologi Alam Sekitar, FHAS UPM, Ts. Dr. Muhammad Heikal Ismail berkata, pemilihan kaedah Bokashi dibuat berdasarkan keberkesanannya untuk diamalkan oleh komuniti, khususnya mereka yang tinggal di kawasan perumahan.



“Kami pernah memperkenalkan pelbagai kaedah pengkomposan termasuk penggunaan larva Black Soldier Fly (BSF) dan vermikompos. Namun pengalaman menunjukkan Bokashi lebih mudah diamalkan kerana tidak memerlukan ruang yang besar, prosesnya lebih cepat dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

“Teknologi yang baik bukan hanya bergantung kepada keberkesanannya, tetapi sejauh mana masyarakat mampu mengamalkannya secara konsisten dan memilih Bokashi sebagai pendekatan yang lebih praktikal,” katanya.

Selain itu, kaedah Bokashi menggunakan proses penapaian sisa organik dalam bekas kedap udara dengan bantuan dedak Bokashi dan mikroorganisma berkesan sebelum bahan tersebut ditanam di dalam tanah sebagai sumber nutrien kepada tanaman.



Ketua Program, Muhammad Hilman Alzan berkata, program itu memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di bilik kuliah kepada masyarakat melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

“Kami memilih komuniti yang aktif dalam aktiviti berkebun agar ilmu yang dikongsi dapat terus diamalkan. Melalui kaedah in penduduk bukan sahaja dapat mengurangkan sisa makanan malah dapat menghasilkan baja organik sendiri tanpa perlu bergantung kepada produk komersial,” katanya.

Other News

 UPM, National Taiwan Universit...
[Read more »](#)

 UPM cungskil bakat matemati...
[Read more »](#)

 Unity Fest satukan mahasiswa...
[Read more »](#)

 UPM Perkasa Pelajar Sekolah...
[Read more »](#)

 UPM anjur Program Zakat...
[Read more »](#)

 Young Scientist Day 2026 lahirka...
[Read more »](#)

News Archive

Latest

Year

2026

2025

2024

2023

2022

2021

2020

2019

2018

2017



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

News
Article
Video
UPM in the News
Document

Contact Us

[Feedback](#)

Others

[UPM Holdings](#)
[UPM Plate Number](#)
[Give to UPM](#)
[Tender and Contracts](#)
[Ministry of Higher Education](#)
[UPM AI HUB](#)
[Sustainability@UPM](#)